

Soalan No :65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
[MAS GADING]

TARIKH : 12.3.2015

SOALAN :

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab kelewatan untuk menyiapkan bangunan sekolah, SMK Singai di Daerah Bau dan bilakah sekolah tersebut akan siap sepenuhnya supaya dapat menerima kemasukan pelajar-pelajar baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kelewatan penyiapan projek SMK Singai, Bau, Sarawak adalah disebabkan oleh kegagalan pihak kontraktor menyiapkan projek ini mengikut jadual yang ditetapkan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama konsultan dan kontraktor sebagai langkah untuk membantu kontraktor di dalam menyediakan Pelan Pemulihan supaya projek dapat dilaksanakan mengikut jadual. Setelah kontraktor ini diberi amaran beberapa kali, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada bulan Februari 2015 telah memutuskan untuk mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang sejajar dengan Fasal 51.1(b) Syarat-syarat Kontrak.

Sehubungan dengan itu, dengan mengambil kira tempoh memproses Tender Semula Pelantikan Kontraktor Penyiap serta tempoh penyiapan projek, SMK Singai dijangka akan siap dalam tempoh dua (2) tahun lagi, iaitu di sekitar akhir tahun 2016 dan boleh mula beroperasi pada awal tahun 2017.

RJM25